

TARIKH: 14/9/23.
SURAT KHABAR: Harian Metro.
MUKA SURAT: 20

Khamis 14.09.2023 | Harian Metro

Loket: MS 20

Syor gaji minimum dinaikkan kepada RM2,000 pada 2030

Kuala Lumpur: Wakil rakyat kerajaan mengesyorkan supaya gaji minimum dinaikkan kepada RM2,000 pada 2030.

Lim Guan Eng (DAP-Bagan) berkata, ia bagi merealisasikan hasrat menaikkan upah bulanan median daripada RM2,600 kepada RM4,510 menjelang 2030.

Beliau berkata, cadangan itu antara lain mampu muncul sebagai strategi keluar daripada perangkap pendapatan sederhana, mengangkat golongan B40, memartabatkan kumpulan M40 serta menghapuskan kemiskinan tegar.

Guan Eng turut mengesyorkan kerajaan untuk menaikkan siling dengan memotong cukai korporat kepada 20 peratus, manakala keuntungan bercukai pertama sebanyak RM1 juta bagi industri kecil dan sederhana (IKS) dikenakan pada tahap 15 peratus sahaja.

"Selain itu, membersih-

kan proses pengambilan pekerja asing supaya menjadi telus secara dalam talian, levi pelbagai peringkat tanpa had tenaga kerja dengan levi lebih tinggi untuk bilangan pekerja asing melebihi 100 orang.

"Kerajaan harus menggalakkan industri menggunakan konsep *circular economy* (ekonomi kitaran) yang bukan sahaja tidak membazirkan sumber mentah dalam pengeluaran produk tetapi juga menjaga alam sekitar.

"Industri yang mengamalkan konsep *circular economy* harus diberikan tambahan insentif cukai serta potongan cukai korporat lima peratus lebih rendah daripada biasa, iaitu jika cukai korporat ialah 20 peratus, maka mereka hanya dikenakan 15 peratus sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi perbincangan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) di Dewan Rakyat, semalam.